

# COVID-19 PANDEMIC MANAGEMENT ACCORDING TO PROPHETIC SUNNAH

## PENGURUSAN PANDEMIK COVID-19 MENURUT SUNNAH NABAWIAH

**Fatimah Yusro Hashim & Mohamad Azhan Yahya**  
Fakulti Undang-Undang, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi

### *Abstract*

*Prophetic sunnah has long laid down guidelines and methods that can be used in handling pandemics. The whole world, including Malaysia, has taken precautions and adopted more efficient self-management practices, including the funeral of COVID-19 infected victims since the pandemic began. Even so, there are still countries that do not practice good self-management during the outbreak of the COVID-19 epidemic and have caused increased mortality rates. This paper aims to identify the level of knowledge of the general public in Malaysia, and will also analyse the way of self-management and handling of the remains of Muslims during the spread of infectious diseases in this country according to Islamic principles. The method used in this writing is through a survey to the public to measure the level of public understanding of self-management and handling of the remains of Muslims during the spread of infectious diseases. Library research methods are also used to look at the views of jurists to find conclusions related to the mechanism of self-management and handling of corpses according to Islamic principles. Focused interviews with medico-legal experts as well as muftis were also significant in this writing to support the findings of the study. The results of this study found that most Muslims in Malaysia have a high level of understanding of self-management and handling of corpses during the pandemic, but there are still a handful of the general public who do not have sufficient knowledge on this matter. This article also found that Malaysia has successfully applied the mechanism of self-management and handling funerals of Muslims in curbing the spread of COVID-19 infectious diseases in a way that complies with Islamic principles.*

**Keyword:** COVID-19, self-management, funeral handling, Islamic principles, mechanisms

### **Penulis Utama:**

Fatimah Yusro Hashim

Fakulti Undang-Undang

Universiti Kebangsaan  
Malaysia, Bangi

### **E-mel:**

wardatun@ukm.edu.my

### Abstrak

Sunnah Nabawiah telah sekian lama meletakkan garis panduan serta kaedah yang boleh digunapakai dalam pengendalian pandemik. Seluruh dunia termasuk Malaysia telah mengambil langkah berjaga-jaga dan mengamalkan amalan pengurusan diri yang lebih efisien termasuklah pengendalian pegebumian mangsa yang dijangkiti COVID-19 sejak pandemik ini bermula. Walaupun begitu, masih terdapat negara yang tidak mengamalkan pengurusan diri yang baik semasa penularan wabak COVID-19 dan telah menyebabkan kadar kematian yang meningkat. Penulisan ini bertujuan untuk mengenal pasti tahap pengetahuan masyarakat umum di Malaysia, serta akan turut menganalisis cara pengurusan diri serta pengendalian jenazah semasa penularan wabak penyakit berjangkit di negara ini mengikut prinsip Islam. Kaedah yang digunakan dalam penulisan ini adalah melalui soal selidik kepada orang awam untuk mengukur tahap kefahaman masyarakat terhadap pengurusan diri dan pengendalian jenazah orang Islam semasa penularan wabak penyakit berjangkit. Kaedah penulisan perpustakaan juga digunakan untuk melihat pandangan fuqaha bagi membuat rumusan berkaitan mekanisme pengurusan diri dan pengendalian jenazah mengikut prinsip Islam. Temubual berfokus dengan pakar undang-undang perubatan dan mufti juga penting dalam penulisan ini bagi menyokong dapatan kajian. Hasil penulisan mendapati kebanyakan masyarakat Islam di Malaysia mempunyai tahap pemahaman yang tinggi terhadap pengurusan diri dan pengendalian jenazah sewaktu pandemik, namun masih terdapat segelintir yang tidak mempunyai ilmu pengetahuan yang mencukupi terhadap perkara tersebut. Penulisan ini turut mendapati bahawa Malaysia berjaya mengaplikasikan mekanisme pengurusan diri dan pengendalian jenazah dalam membendung penularan wabak penyakit berjangkit COVID-19 dengan cara yang menepati prinsip Islam.

**Kata kunci:** COVID-19, pengurusan diri, pengendalian jenazah, prinsip Islam, mekanisme.

### PENGENALAN

Islam dikenali sebagai agama yang syumul dan menitik beratkan segala aspek yang memanfaatkan kehidupan mengikut syariat Allah bukan sahaja dari aspek mental dan rohani, malah dari segi fizikal juga. Hal ini juga terbukti apabila Islam mengutamakan penjagaan yang rapi dalam memelihara kesihatan diri dan masyarakat. Ini terbukti seperti sabda Rasulullah S.A.W yang berbunyi, “*Gunakanlah lima perkara sebelum lima perkara; masa muda sebelum masa tua, sihat sebelum sakit, kaya sebelum miskin, masa lapang sebelum sibuk dan hidup sebelum mati*”<sup>1</sup> Ini jelas menunjukkan Islam juga memberi perhatian penting hal pemeliharaan kesihatan diri dan masyarakat semasa penyebaran wabak penyakit berjangkit.

---

<sup>1</sup> Abu Bakar, A. H. B, Shu'ab al-Iman, diitahqiqkan oleh Mukhtar Ahmad al-Nadawi, Maktabah al-Rush li al-Nashr wa al-Tawzi, Riyad, 2003, jilid 12, hlm 476. Lihat juga [https://www.researchgate.net/publication/281703860\\_Planning\\_on\\_Wealth\\_Distribution\\_During\\_Lifetime\\_in\\_Islam\\_Concept\\_and\\_Its\\_Importance/fulltext/57ab182808ae7a6420bf4019/Planning-on-Wealth-Distribution-During-Lifetime-in-Islam-Concept-and-Its-Importance.pdf](https://www.researchgate.net/publication/281703860_Planning_on_Wealth_Distribution_During_Lifetime_in_Islam_Concept_and_Its_Importance/fulltext/57ab182808ae7a6420bf4019/Planning-on-Wealth-Distribution-During-Lifetime-in-Islam-Concept-and-Its-Importance.pdf) diakses pada 27 Januari 2021.

Pada akhir 2019, dunia dikejutkan dengan penularan virus Corona atau lebih dikenali sebagai COVID-19 dan wabak ini telah diisytihar sebagai pandemik oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO). Malaysia juga tidak terkecuali menerima kesan hebat akibat penularan wabak ini. Dalam mendepani ancaman wabak COVID-19, seluruh dunia termasuk Malaysia telah mengambil langkah berjaga-jaga dan mengamalkan amalan penjagaan diri dan rawatan kepada pesakit yang dijangkiti COVID-19 dengan cara yang lebih efisien dan berkesan, termasuklah pengebumian mangsa yang dilaksanakan mengikut syarak bagi jenazah beragama Islam. Walaupun begitu, terdapat juga negara yang tidak mengamalkan pengurusan jenazah pesakit mengikut yang diamalkan di Malaysia sebaliknya membakar mayat jenazah Muslim yang dijangkiti COVID-19.

## **METODOLOGI KAJIAN**

Penulisan ini mensasarkan kepada tiga objektif. Objektif pertama adalah untuk mengenal pasti tahap pengetahuan masyarakat umum terhadap pengurusan diri semasa penularan wabak penyakit berjangkit. Objektif kedua akan mengkaji sejauh mana prosedur pengurusan diri seperti yang dilaksanakan adalah mengikut falsafah Islam, dan objektif ketiga akan melihat tatacara pengendalian jenazah yang dijangkiti wabak penyakit berjangkit. Penulisan ini menggunakan kaedah kajian perpustakaan untuk mengumpul maklumat berkaitan tatacara pengurusan diri semasa penularan wabak penyakit berjangkit mengikut prinsip Islam dari nas al Quran, hadith-hadith dan sunnah nabawiah. Maklumat yang diperolehi oleh penulis adalah daripada sumber-sumber seperti portal rasmi kerajaan dan pertubuhan antarabangsa, buku-buku ilmiah, artikel jurnal, laman sesawang dan lain-lain sumber yang sah.

Untuk menyokong kewujudan permasalahan dan dapatan, penulisan ini juga menggunakan kaedah soal selidik. Borang soal selidik diedarkan secara atas talian menerusi media sosial kepada responden bersasar. Soalan-soalan yang telah digubal dalam soal selidik ini adalah berdasarkan objektif-objektif penulisan bagi mendapatkan input yang dapat menjawab persoalan yang dikaji. Soalan-soalan yang disediakan juga telah dilengkapi dengan Skala Likert yang mempunyai peratus bilangan setuju, tidak setuju dan tidak pasti bagi memudahkan penditilan dilakukan. Penulisan ini turut menggunakan kaedah temu bual berstruktur supaya maklumat yang dikumpul dapat dianalisis dan dikategorikan dengan tepat. Temu bual telah dijalankan dengan pakar dalam undang-undang perubatan secara atas talian melalui penghantaran e-mel dan segala maklumat yang diberi oleh responden telah direkodkan.

## **PENGURUSAN PENYAKIT BERJANGKIT DARI SUDUT SUNNAH NABAWIAH**

Manusia mempunyai pelbagai kehendak dan matlamat dalam kehidupan dan bagi umat Islam, matlamat yang perlu dicapai adalah keredhaan Allah SWT dan pada masa yang sama menuruti ajaran Rasulullah SAW. Matlamat atau tujuan hidup manusia dikenali sebagai *Maqāsid Syari'ah*. Sebagai contoh, antara matlamat seorang Islam dalam kehidupan adalah untuk menjaga nyawa diri dan keluarga dengan cara yang terbaik sekali. Oleh itu bagi setiap yang bergelar Muslim, memenuhi keperluan *maqāsid syari'ah* adalah satu cita-cita yang perlu dicapai dalam memastikan kehidupan dijalani berlandaskan hukum syarak.

Menurut Sheikh Muhammad al-Tāhir bin <sup>o</sup>Asyur, *maqāsid syari'ah* itu adalah '*makna dan hikmah yang menjadi perhatian syarak dalam semua keadaan pensyariatan atau dalam sebahagian besar pensyariatan*'.<sup>2</sup> Dr. Yusuf al-<sup>c</sup>Ālim pula mengatakan bahawa *maqāsid* itu adalah '*kebaikan yang kembali kepada hamba di dunia atau akhirat sama ada dengan cara mendatangkan kebaikan atau menjauhkan kemudaratan*'.<sup>3</sup> Ulama-ulama terkenal seperti Al-Syatibi, Ibn al-Qayyim dan Sheikh Al-<sup>c</sup>Izz Abd al-Salam contohnya mendefinisi *maqāsid*

<sup>2</sup> Ibn <sup>c</sup>Asyur, *Maqāsid al-Syari'ah al-Islāmiyyah*. hlm 251.

<sup>3</sup> Al-<sup>c</sup>Ālim, Yusuf Hamid, *Al-Maqāsid al-<sup>c</sup>Ammah li Al-Syari'ah al-Islāmiyyah*. Edisi 3, Ad-Dār As-Sūdaniyyah, Khartoum. 1997. hlm 79.

dengan pelbagai definisi, antaranya perkara-perkara yang membawa kepada kemaslahatan dalam hidup. Mereka juga mengatakan bahawa *maqāsid* itu adalah jalan hidup atau perbuatan yang dilakukan bagi mengelak kemudaratan.<sup>4</sup>

Justeru, dalam menghadapi situasi pandemik COVID-19 yang membahayakan nyawa ini, umat Islam hendaklah sentiasa menjaga diri dengan mengamalkan disiplin serta kaedah perlindungan diri yang betul. JAKIM dan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) menyarankan agar rakyat Malaysia hanya keluar dari rumah apabila terdapatnya keperluan. Kita dikehendaki merancang pembelian barangan keperluan dengan teliti supaya dapat mengelakkan keluar dari rumah dengan kerap. Selain itu, masyarakat juga hendaklah mengelakkan diri daripada berada di tempat-tempat yang berisiko terkena jangkitan virus ini. Tatacara Operasi Standard (*Standard Operating procedure* atau ringkasnya SOP) baharu diwujudkan supaya penularan wabak ini dapat dihentikan. SOP baharu ini mewajibkan rakyat agar sentiasa i) memakai pelitup muka ii) menjaga jarak 1 meter dari orang lain iii) mengelakkan kerap menyentuh mata, hidung dan mulut serta iv) mencuci tangan dan menggunakan sanitasi sekerap yang mungkin. SOP-SOP baharu ini jelas menunjukkan bahawa ianya sejajar dengan amalan penjagaan kebersihan diri seperti yang disarankan agama.

Sekiranya seseorang itu mendapati dirinya telah mempunyai gejala yang serupa dengan pengidap COVID-19, kuarantin atau pengasingan diri mengikut garis panduan yang ditetapkan oleh KKM wajib dilakukan, serta perlu segera mendapatkan rawatan. Ini merupakan langkah awal untuk mencegah penularan wabak tersebut kepada orang lain. Selain itu, Islam turut menganjurkan agar kita tidak memasuki kawasan yang didapati adanya wabak tersebut. Manakala orang yang tinggal di dalam kawasan wabak pula tidak keluar ke kawasan lain. Ini bertujuan untuk mengawal serta membendung penularan wabak tersebut. Ini selari dengan hadith sahih riwayat al Bukhari dari Abdul Rahman bin Auf, Rasulullah SAW bersabda:

Sekiranya kamu mendengar wabak taun menimpa sesuatu tempat di muka bumi, jangan sesekali kamu pergi kepadanya. Sekiranya ia menimpa di tempat di mana kamu berada padanya, maka jangan kamu keluar lari meninggalkannya.<sup>5</sup>

Hadith ini jelas menasihati umat Islam agar menjauhi kawasan yang mengalami wabak taun.<sup>6</sup> Hal ini demikian kerana perbuatan tersebut seperti mencampakkan diri ke dalam bahaya atau kebinasaan. Pada masa yang sama, bagi mereka yang berada dan tinggal dalam kawasan wabak itu menular dilarang daripada meninggalkan kawasan tersebut. Ini supaya tidak menjadi sebab kepada penyebaran wabak tersebut keluar. Jelas di sini, hadith di atas mengajar kita untuk menangani pandemik atau sebarang penyakit berjangkit dengan cara mengawal serta mencegah. Perkataan taun atau طاعون itu sendiri menurut ahli Bahasa Arab membawa maksud wabak penyakit yang disebabkan oleh microb.<sup>7</sup>

Selain itu, Nabi SAW mengajar umat Islam melakukan pencegahan awal semasa berhadapan dengan masalah penyakit berjangkit. Untuk itu, ia merupakan tanggungjawab individu untuk memastikan langkah-langkah pencegahan dilakukan dengan mengelakkan diri dari tempat-tempat awam agar orang yang sihat tidak dijangkiti. Ini selari dengan sabda

---

<sup>4</sup> Mohamad Sabri Haron, *Isu-isu Ekonomi Dalam Dimensi Pemikiran Islam*, Pusat Pengajian Umum, UKM, 2011. hlm 23.

<sup>5</sup> Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, <http://www.islam.gov.my/images/ePenerbitan/Tips-Menghadapi-Covid-19.pdf> diakses pada 27 Disember 2020. Lihat juga riwayat al Bukhari: 5730.

<sup>6</sup> Taun ialah sejenis wabak yang menyebabkan pengidapnya muntah-muntah dan selalu buang air. Ia dikenali juga sebagai Kolera pada masa kini. Rujukan dari Pusat Rujukan Persuratan Melayu di <http://prpmv1.dbp.gov.my/Search.aspx?k=taun>. Akses pada 1 Januari 2021.

<sup>7</sup> Mu'jam al-Ma'ni al-Jami', Mu'jam Arabi. Akses atas talian. Febuari 2021.

Rasulullah SAW yang bermaksud *Yang sakit janganlah mendatangi yang sihat*.<sup>8</sup> Hal ini berlaku apabila sekumpulan orang dari Bani Thaif pernah datang kepada Rasulullah SAW. Pada ketika itu, salah seorang daripada ahli kumpulan Bani Thaif yang datang itu menghidap penyakit berjangkit. Dalam situasi ini, Rasulullah SAW mengutus kepadanya dan tidak bersentuhan dengan dia, lalu Baginda bersabda: “*Sesungguhnya kami telah menerima ba’iah kamu, maka pulanglah*”.<sup>9</sup>

Hadith ini jelas menunjukkan bahawa penyakit berjangkit amat merbahaya kepada manusia. Rasulullah SAW telah memberikan panduan kepada manusia agar tidak bergerak ke mana-mana tempat lain dengan cara menjalankan kuarantin apabila berlakunya penyakit berjangkit. Malah, kita juga dilarang daripada menyentuh seseorang yang telah dijangkiti dengan wabak tersebut. Larangan ini adalah supaya dapat membendung dan mengawal penularan wabak daripada menular. Oleh itu, tindakan kerajaan mengawal kehadiran orang awam dalam sesuatu tempat awam untuk mengelakkan berlakunya jangkitan kepada orang lain serta peraturan penjarakan sosial sejauh 1 meter adalah selari dengan prinsip syariah ini.

Dalam hal beribadah pula, Islam memberikan rukhsah atau keringanan kepada umatnya dalam melaksanakan ibadah apabila berlakunya situasi yang menyebabkan kesusahan kepada mereka dalam mentaati perintah tersebut. Ini sebagaimana dari riwayat Jabir iaitu kata beliau:

Kami keluar dalam satu musafir, lalu salah seorang daripada kami kepalanya terkena batu lalu tercedera, dan pada masa yang sama lelaki ini mengalami mimpi basah. Dia bertanya kepada sahabatnya: Adakah ada rukhsah untuk aku bertayamum? Mereka menjawab: Kami tidak melihat adanya keringanan untuk engkau, dan engkau mampu menggunakan air. Lalu dia pun mandi wajib lalu mati. Apabila mereka tiba bertemu Rasulullah S.A.W, Baginda diberitahu mengenai hal itu lalu Baginda berkata: “Mereka telah membunuhnya, mereka telah membunuhnya. Hendaklah mereka bertanya jika tidak tahu. Ubat kepada kebodohan ialah bertanya. Sesungguhnya cukup untuk dia bertayamum dan membalut atas lukanya, kemudian menyapu atas balutan itu, kemudian membasuh seluruh tubuhnya”.<sup>10</sup>

Berdasarkan hadith di atas, Islam memberikan umatnya keringanan serta kelonggaran dalam melaksanakan syariat Islam pada masa-masa tertentu ketika berlakunya keuzuran syarie. Ini membolehkan umat Islam sentiasa berupaya untuk melakukan ibadah mengikut situasi yang telah diberikan oleh syarak ini. Hadith ini jelas membuktikan Islam sebuah agama yang mudah serta praktikal. Ini juga membuktikan bahawa agama Islam meminta umatnya untuk melaksanakan ibadah sesuai dengan kemampuan manusia. Ini selari dengan firman Allah dalam surah *al Baqarah* ayat 185 yang bermaksud *Allah menghendaki kamu beroleh kemudahan, dan Ia tidak menghendaki kamu menanggung kesukaran*.<sup>11</sup> Islam turut menuntut umatnya untuk tidak menanggung keberatan dan susah payah dalam perkara agama sebagaimana dalam firman Allah dalam surah *al Hajj* ayat 78 yang bermaksud *Dan dia tidak menjadikan kesukaran untukmu dalam agama*.<sup>12</sup>

<sup>8</sup> <https://www.muis.gov.sg/officeofthemufti/Fatwa/Fatwa-Covid-19-Malay> diakses pada 27 Disember 2020. Lihat juga Al-Naysabūrī, Muslim bin al-Hajjāj, *Ṣaḥīḥ Muslim*, hadis no. 2219.

<sup>9</sup> Muslim bin al-Hajjāj, *Ṣaḥīḥ Muslim*, hadis no. 2231. Lihat juga, Al-Nawawī, *Ṣaḥīḥ Muslim bi Syarḥ Muslim*, juz 14, hlmn. 327. Lihat juga <https://www.muis.gov.sg/-/media/Files/OOM/Resources/CIS-Ramadan---Malay.pdf?la=en&hash=60706080995813CE5F8B7CCB9333D9F39AC71E>. Akses pada 27 Januari 2021.

<sup>10</sup> <http://jknjohor.moh.gov.my/bmv/uploads/dilemarukshadnanbersuci1.pdf> diakses pada 27 Disember 2020.

<sup>11</sup> Surah *al Baqarah* ayat 185, *Al Quran Al Karim*, Karya Bestari Sdn Bhd, Selangor, hlm 28.

<sup>12</sup> Surah *al Hajj* ayat 78, *Al Quran Al Karim*, Karya Bestari Sdn Bhd, Selangor, hlm 341.

Dalam situasi COVID-19 ini, Malaysia telah melakukan pengurusan jenazah dengan cara yang berlainan daripada kebiasaan. Berdasarkan garis panduan tatacara pengurusan jenazah orang Islam COVID-19, petugas yang menguruskan jenazah menggunakan kaedah *tayammum* sebagaimana menguruskan pesakit yang menghidap penyakit *Ebola*.<sup>13</sup> Tindakan melakukan *tayammum* di atas balutan *body bag* jenazah adalah untuk mengelakkan penularan wabak COVID-19 melalui sentuhan sekiranya perlu memandikan jenazah seperti amalan biasa. Tindakan ini adalah selari dengan prinsip syariah berdasarkan hadith dan ayat al Quran di atas. Ini adalah kerana Islam memberikan kelonggaran kepada umatnya untuk menggunakan kaedah *tayammum* menggantikan mandi wajib apabila terdapatnya kemudharatan kepada nyawa yang telah dibuat pertimbangan sewajarnya oleh pakar.

Justeru, Malaysia telah menggunakan amalan pengurusan jenazah mangsa COVID-19 yang selari seperti yang dianjurkan oleh sunnah Nabawiah. Ini menunjukkan bahawa Islam sudah lama mempunyai tatacara untuk mengawal penyakit berjangkit termasuklah dalam urusan mandi wajib dalam keadaan berpenyakit. Pada masa yang sama hal ini jelas membuktikan bahawa Islam adalah sebuah agama yang fleksibel, dan segala amalan-amalannya adalah praktikal dan sesuai digunakan sepanjang masa dan zaman.

### **PENGURUSAN PANDEMIK COVID-19 DI MALAYSIA: SATU PENELITIAN**

Pertubuhan Kesihatan Dunia WHO menakrifkan penyakit berjangkit sebagai penyakit yang disebabkan oleh mikroorganisma patogen seperti virus, bakteria, parasit atau kulat yang boleh merebak secara langsung atau tidak langsung dari satu orang ke orang lain, manakala penyakit berjangkit yang berasal daripada haiwan dan merebak kepada manusia dikenali sebagai penyakit zoonosis<sup>14</sup>. Perkara ini membawa maksud bahawa penyakit berjangkit ini mampu untuk menjangkiti antara manusia dengan manusia atau manusia dengan haiwan sehingga menyebabkan kesihatan mereka menjadi merosot mengikut kadar kebolehjangkitan individu tersebut. Semakin tinggi kadar kebolehjangkitan individu tersebut, maka semakin mudah pula individu tersebut terdedah kepada penyakit berjangkit. Antara penyakit berjangkit yang pernah dicatatkan melanda Malaysia ialah penyakit TB atau batuk kering, Malaria, SARS dan yang terbaharu ialah COVID-19<sup>15</sup>. Bagi mengawal dan memerangi penularan wabak penyakit berjangkit, semua lapisan masyarakat dalam sesebuah negara memainkan peranan penting bagi memutuskan rangkaian wabak ini dari terus menular.

Pihak kerajaan boleh menjalankan langkah-langkah pencegahan dari dua aspek iaitu dari aspek perundangan dan juga aspek penguat kuasa dasar pentadbiran. Dari aspek perundangan, pihak kerajaan boleh memperkenalkan akta atau undang-undang yang bertujuan mengawal penyakit berjangkit. Contohnya, semasa penularan wabak COVID-19, kerajaan Malaysia melalui Jabatan Peguam Negara telah mewartakan Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 (Akta 342)<sup>16</sup>. Pada masa yang sama, pihak kerajaan juga disarankan untuk sentiasa memantau kebersihan premis-premis perniagaan, kawasan-kawasan tumpuan dan persekitaran serta sektor pengilangan dan pembuatan terutamanya dalam bidang

---

<sup>13</sup> Penyakit bawaan virus yang boleh menyebabkan pendarahan teruk di rongga tubuh dan kemusnahan tisu dalaman yang akhirnya akan menyebabkan kematian kepada mangsa. Rujukan dari Pusat Rujukan Persuratan Melayu di <http://prpmv1.dbp.gov.my/Search.aspx?k=Ebola>. Akses pada 1 Januari 2021.

<sup>14</sup> Infectious Disease. World Health Organisation. dilayari pada 20 Jun 2020. [https://www.who.int/topics/infectious\\_diseases/en/#:~:text=Infectious%20diseases%20are%20caused%20by,disease%20when%20transmitted%20to%20humans](https://www.who.int/topics/infectious_diseases/en/#:~:text=Infectious%20diseases%20are%20caused%20by,disease%20when%20transmitted%20to%20humans).

<sup>15</sup> Penyakit Berjangkit. Portal Rasmi MyHealth Kementerian Kesihatan Malaysia. dilayari pada 20 Jun 2020. <http://www.myhealth.gov.my/penyakit-berjangkit-3/>

<sup>16</sup> Bernama, AGC wartakan undang-undang kawalan penyakit berjangkit semasa pkk fasa kedua, Berita Astro Awani, 14 April 2020, dilayari pada 20 Jun 2020

<http://www.astroawani.com/berita-malaysia/agc-wartakan-undang-undang-kawalan-penyakit-berjangkit-semasa-fasa-kedua-pkp-238204>

penyediaan pemakanan<sup>17</sup>. Perkara ini termasuk menjalankan proses pembersihan, nyah cemar, penjagaan peralatan pembersihan dan kesihatan dan juga penutupan institusi-institusi Pendidikan disemua peringkat apabila penularan semakin serius.<sup>18</sup> Jabatan-jabatan kerajaan dan swasta dengan kerjasama Bahagian Kawalan Penyakit KKM serta institusi-institusi pendidikan memainkan peranan penting dalam memupuk kesedaran kepada masyarakat dengan mewujudkan pendidikan tentang tatacara menguruskan diri semasa penularan wabak penyakit berjangkit.

Langkah pencegahan secara individu juga perlu diambil kerana hal ini disebabkan penjagaan diri di peringkat unit paling asas dalam sesebuah masyarakat merupakan perkara asas yang perlu dilakukan bagi mengawal seluruh komuniti daripada terdedah kepada penyakit berjangkit. Antara langkah pencegahan yang boleh diambil ialah menjauhi tempat-tempat yang berisiko tinggi terhadap wabak penyakit berjangkit, melakukan penjarakan sosial (*social distancing*) dan memakai pelitup mulut dan hidung sekiranya hendak keluar dari rumah seperti yang telah ditetapkan perlaksanaannya sebagai satu SOP atau norma baharu dalam masyarakat.<sup>19</sup> Pengurusan diri semasa wabak penyakit berjangkit melanda bukan sahaja kepada yang masih hidup, bahkan jenazah yang dijangkiti penyakit berjangkit perlu untuk diuruskan mengikut prosedur yang telah ditetapkan oleh bagi meminimumkan risiko jangkitan kepada petugas kesihatan dan orang awam semasa menguruskan pengebumian jenazah tersebut<sup>20</sup>.

Dari aspek pengurusan jenazah pula, prosedur yang biasa diamalkan akan berubah mengikut keadaan dan situasi penyakit berjangkit yang sedang melanda. Walaupun jenazah pesakit COVID-19 diuruskan dengan prosedur yang sama dengan jenazah pesakit Ebola, jenazah yang beragama Islam tidak disyorkan untuk dimandi sebaliknya memadai untuk melakukan tayammum bagi mengelak lebih banyak sentuhan berlaku dan mewujudkan kebarangkalian jangkitan meningkat<sup>21</sup>. Bagi jenazah bukan Islam pula, kematian perlu dimaklumkan kepada pegawai kesihatan yang bertugas untuk pengesahan. Kemudian, mayat akan dibawa ke bilik pengurusan mayat dan dimasukkan ke dalam beg mayat lalu disanitasi sebelum diserahkan kepada pengurus rumah mayat dengan pengawasan ketat dan mengamalkan SOP yang ketat. Untuk jenazah orang Islam, pengurusan adalah sedikit berbeza daripada pengurusan mayat orang bukan Islam yang biasa dilakukan. Sebaik sahaja berlaku kematian pesakit Muslim yang dijangkiti COVID-19, laporan akan dibuat kepada pegawai kesihatan bertugas dan disahkan. Kemudian, jenazah dibawa ke bilik mayat untuk ditayammum menggantikan mandi jenazah dan disolatkan di hospital dengan SOP yang ketat. Seterusnya, jenazah akan dihantar ke tanah perkuburan yang tertentu dan dikebumikan seterusnya tanah perkuburan disanitasi selepas pengebumian selesai.

Melihat kepada tatacara pengurusan diri dan masyarakat serta pengurusan jenazah yang diamalkan di Malaysia dalam kes COVID-19 ini, jelas pengurusan ini tidak bertentangan malah adalah selari dengan apa yang telah disarankan oleh syarak. Nas-nas syarak sudah meletakkan garis panduan serta tatacara yang perlu dilaksanakan dan amalan-amaan ini bukan sahaja

<sup>17</sup> Fatan Hamamah Yahaya. 2005. Kemunculan penyakit berjangkit dan kesannya terhadap manusia di malaysia. *UKM Journal Article Repository*. 153-168.

<sup>18</sup> Mohd Faiz Mohd Yaakob & Jamal@Nordin Yunus. 2017. Penularan penyakit tuberculosis (tb) di Malaysia: Amalan pencegahan dan mekanisme pengawalan di institusi pendidikan. *Jurnal Sains Kesihatan Malaysia* 15(1). 131-134.

<sup>19</sup> Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM). 2020. *Tips Menghadapi COVID-19: Panduan Menurut Perspektif Islam*. Putrajaya.

<sup>20</sup> Pengendalian Mayat Penyakit Berjangkit. Portal Rasmi MyHealth Kementerian Kesihatan Malaysia. dilayari pada 20 Jun 2020. <http://www.myhealth.gov.my/pengendalian-mayat-berpenyakit-berjangkit/>

<sup>21</sup> Ahmad Sanusi Azmi, Pengurusan jenazah mangsa covid-19, myMetro, 8 April 2020, Dilayari pada 20 Jun 2020, <https://www.hmetro.com.my/addin/2020/04/563853/pengurusan-jenazah-mangsa-covid-19>

diamalkan oleh negara-negara Islam, malah diiktiraf dan disyorkan diperingkat dunia oleh WHO sendiri.

### **PENGURUSAN PANDEMIK COVID-19: DAPATAN KAJIAN**

Dalam satu penyelidikan yang dilakukan berkaitan pengurusan penyakit berjangkit COVID-19 ini terhadap masyarakat majmuk di Malaysia, borang soal selidik telah disediakan melalui *Google Forms* dan telah diisi oleh sebanyak 226 orang responden.<sup>22</sup> Responden yang terlibat dalam penyelidikan ini terdiri daripada masyarakat umum dari berbagai latar belakang sosial. Analisis soal selidik ini dijalankan berdasarkan aspek-aspek seperti pengetahuan masyarakat terhadap pengurusan diri semasa penularan wabak penyakit berjangkit serta pengurusan diri yang betul menurut falsafah Islam.

Dari soal selidik tersebut, respon yang didapati memberikan statistik yang memberangsangkan dari segi pengetahuan orang ramai tentang kawalan penyakit berjangkit ini. Perlu dijelaskan disini bahawa soal selidik ini telah dilakukan sekitar bulan Jun dan Julai 2020 apabila bilangan kes-kes baharu sudah menurun pada ketika itu. Oleh itu, statistik ini tidak meramalkan timbulnya gelombang ketiga sekitar September 2020 yang menunjukkan peningkatan mendadak kes-kes COVID-19 sehingga Januari 2020 pada saat kertas ini ditulis. Berikut adalah taburan responden dalam soal selidik:

**Jadual 1: Bilangan dan peratus responden mengikut kategori umur**

Umur	Bilangan	Peratus (%)
17 dan ke bawah	12	5.3
18-25	213	94.2
26-60	1	0.4
61 dan ke atas	0	0
Jumlah	226	100

Sumber: Soal Selidik 2020

**Jadual 1.2: Bilangan dan peratus responden mengikut negeri bermastautin**

Negeri bermastautin	Bilangan Orang	Peratus (%)
WP Kuala Lumpur	26	11.5
WP Putrajaya	3	1.3
WP Labuan	0	0
Selangor	66	29.2
Perak	16	7.1
Kedah	14	6.2
Perlis	1	0.4
Pulau Pinang	24	10.6
Kelantan	3	1.3
Terengganu	3	1.3
Pahang	9	4
Melaka	9	4

<sup>22</sup> Soal selidik dan sebahagian penyelidikan adalah hasil tugas bertajuk 'Falsafah Islam dalam Pengurusan Wabak Penyakit Berjangkit' bagi Kursus Pengantar Perundangan Islam dibawah penyeliaan Dr Fatimah Yusro Hashim oleh sekumpulan pelajar-pelajar tahun 1 Fakulti Undang-Undang, UKM terdiri daripada Calvin A/L Cherley, Elissanur Suraya Binti Arnaz Yusry, Mohamad Syazwan Bin Roslan, Nur Aliya Binti Zamimi, David Brian Leong Retna dan Sharon Priya A/P Arul Das.



Sabah	6	2.7
Sarawak	6	2.7
Johor	33	14.6
Negeri Sembilan	7	3.1
<b>Jumlah</b>	226	100

Sumber: Soal Selidik 2020

Berdasarkan Jadual 1, kebanyakan responden yang terlibat dalam soal selidik ini adalah terdiri daripada kategori umur 18 hingga 25 tahun, iaitu sebanyak 213 orang (94.2%). Seterusnya, bilangan responden daripada kategori umur 17 tahun dan ke bawah ialah 12 orang (5.3%). Bagi responden daripada kategori umur 26 hingga 60 tahun pula, hanya terdapat 1 orang (0.4%). Tiada responden yang berada dalam kategori umur 61 tahun dan ke atas (0%). Seramai 148 orang responden perempuan (65.5%) dan 78 orang responden lelaki (34.5%), Manakala seramai 161 orang (71.2%) daripada jumlah bilangan responden adalah beragama Islam, dan seramai 65 orang (28.8%) daripada jumlah bilangan responden bukan beragama Islam. Berdasarkan Jadual 1.2 pula, Responden adalah dari seluruh Malaysia namun seramai 42% responden adalah dari Lembah Kelang.

**Jadual 2: Kefahaman tentang pengertian pandemik**

Soalan	Bilangan Menjawab 'Ya'	Peratus (%)	Bilangan Menjawab 'Tidak'	Peratus (%)
Adakah anda faham tentang maksud pandemik?	201	88.9	25	11.1

Sumber: Soal Selidik 2020

Berdasarkan Jadual 2, dapat dilihat bahawa seramai 201 orang responden (88.9%) faham tentang maksud pandemik, manakala bilangan responden yang tidak faham tentang maksud pandemik adalah seramai 25 orang (11.1%).

**Jadual 3: Langkah-langkah kerajaan untuk membasmi wabak penyakit berjangkit**

Soalan	Bilangan Setuju	Peratus (%)	Bilangan Tidak Setuju	Peratus (%)	Bilangan Tidak Pasti	Peratus (%)
Aspek berjaga-jaga yang diambil oleh kerajaan seperti perintah kawalan pergerakan (PKP), penutupan institusi-institusi pendidikan, sektor ekonomi dan sektor-sektor lain, juga pemberhentian aktiviti-aktiviti keagamaan, keramaian, perniagaan dan lain-lain adalah langkah yang baik untuk membasmi wabak berjangkit.	221	97.8	2	0.9	3	1.3

Sumber: Soal Selidik 2020

Berdasarkan Jadual 3, seramai 221 orang responden (97.8%) bersetuju dengan langkah-langkah yang diambil oleh kerajaan demi membasmi wabak penyakit berjangkit. Seterusnya, bilangan responden yang tidak bersetuju, dan tidak pasti tentang langkah-langkah tersebut adalah masing-masing 2 orang (0.9%) dan 3 orang (1.3%).

**Jadual 4: Kesan penjarakan sosial terhadap wabak penyakit berjangkit**

Soalan	Bilangan Setuju	Peratus (%)	Bilangan Tidak Setuju	Peratus (%)	Bilangan Tidak Pasti	Peratus (%)
Penjarakan sosial dapat sepenuhnya membantu mengurangkan risiko jangkitan wabak di kalangan masyarakat.	200	88.5	13	5.8	13	5.8

Sumber: Soal Selidik 2020

Berdasarkan Jadual 4, seramai 200 orang responden (88.5%) berpendapat bahawa penjarakan sosial dapat sepenuhnya membantu mengurangkan risiko jangkitan wabak di kalangan masyarakat. Bilangan responden yang tidak bersetuju dengan peraturan tersebut dan tidak pasti tentang kenyataan tersebut adalah sama, iaitu seramai 13 orang (5.8%).

**Jadual 5: Ajaran agama tentang cara menghindari penularan wabak penyakit berjangkit**

Soalan	Bilangan Setuju	Peratus (%)	Bilangan Tidak Setuju	Peratus (%)	Bilangan Tidak Pasti	Peratus (%)
Penjagaan diri dan keluarga dalam semua aspek kehidupan seperti menjaga kebersihan, menjaga pemakanan yang bersih dan sihat, serta menjaga jarak antara satu sama lain telah lama diajarkan oleh semua agama bagi menghindari penularan wabak penyakit berjangkit.	193	85.4	8	3.5	25	11.1

Sumber: Soal Selidik 2020

Berdasarkan Jadual 5, majoriti iaitu seramai 193 orang responden (85.4%), bersetuju bahawa semua agama telah mengajarkan pengikutnya cara penjagaan diri dan keluarga bagi menghindari penularan wabak penyakit berjangkit. Namun, terdapat beberapa orang responden yang tidak bersetuju dengan kenyataan tersebut, iaitu seramai 8 orang (3.5%). Sehubungan dengan itu, baki daripada jumlah bilangan responden, iaitu seramai 25 orang (11.1%), tidak pasti tentang kenyataan tersebut.

**Jadual 6: Pengurusan jenazah mangsa beragama Islam yang dijangkiti wabak penyakit berjangkit semasa pandemik COVID-19**

Soalan	Bilangan Setuju	Peratus (%)	Bilangan Tidak Setuju	Peratus (%)	Bilangan Tidak Pasti	Peratus (%)
Dalam situasi di mana negara kita dilanda pandemik COVID-19, pengurusan jenazah bagi mangsa beragama Islam yang dijangkiti wabak penyakit berjangkit tidak dijalankan seperti biasa. Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan bersetuju untuk menukar prosedur asal mandi jenazah menggunakan air dan	191	84.5	3	1.3	32	14.2

digantikan kepada tayammum menggunakan debu bersih. Bagi proses kafan pula, adalah memadai dengan balutan kain dan plastik seperti yang dilaksanakan oleh petugas Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM). Proses pengebumian juga berlangsung dengan ketat bagi memastikan tiada ruang penyebaran wabak berlaku. Adakah anda setuju terhadap perkara ini?						
---	--	--	--	--	--	--

Sumber: Soal Selidik 2020

Dengan merujuk kepada Jadual 6, didapati bahawa kebanyakan daripada jumlah bilangan responden bersetuju dengan cara pengurusan jenazah bagi mangsa beragama Islam yang dijangkiti COVID-19 semasa pandemik berlaku. Seramai 191 orang responden (84.5%) telah menjawab 'Setuju', 3 orang responden (1.3%) menjawab 'Tidak Setuju', dan seramai 32 orang responden (14.2%) menjawab 'Tidak Pasti' tentang hal tersebut.

**Jadual 7: Pelaksanaan solat jenazah atau pemberian penghormatan terakhir dan penglibatan ahli keluarga dalam pengebumian jenazah**

Soalan	Bilangan Setuju	Peratus (%)	Bilangan Tidak Setuju	Peratus (%)	Bilangan Tidak Pasti	Peratus (%)
Semua ahli keluarga kepada mangsa yang dijangkiti wabak penyakit berjangkit patut diberi peluang untuk menunaikan solat jenazah atau memberi penghormatan terakhir, dan terlibat dalam pengebumian jenazah.	98	43.4	54	23.9	74	32.7

Sumber: Soal Selidik 2020

Para responden tidak sebulat suara dalam pemberian jawapan tentang persoalan ini. Berdasarkan Jadual 7, terdapat seramai 98 orang responden (43.4%) yang berfikir bahawa semua ahli keluarga kepada mangsa yang dijangkiti wabak penyakit berjangkit patut diberi peluang untuk menunaikan solat jenazah atau memberi penghormatan terakhir, dan terlibat dalam pengebumian jenazah. Sementara itu, bilangan responden yang tidak bersetuju dengan hal ini adalah seramai 54 orang (23.9%), berkemungkinan mereka faham akan impak yang mungkin berlaku jika hal ini dibenarkan, manakala seramai 74 orang (32.7%) tidak pasti tentang kenyataan tersebut.

**Jadual 8: Kaedah membakar jenazah mangsa beragama Islam yang dijangkiti wabak penyakit berjangkit (seperti yang dilaksanakan di beberapa negara lain)**

Soalan	Bilangan Setuju	Peratus (%)	Bilangan Tidak Setuju	Peratus (%)	Bilangan Tidak Pasti	Peratus (%)
Adakah anda setuju jika jenazah mangsa beragama Islam yang dijangkiti wabak penyakit berjangkit seperti COVID-19 diuruskan dengan kaedah berbeza seperti dibakar	45	19.9	139	61.5	42	18.6

tanpa mengikut tatacara yang dikeluarkan Kementerian Kesihatan Malaysia atau Jabatan Agama Islam demi mengurangkan risiko wabak penyakit berjangkit daripada merebak?						
---	--	--	--	--	--	--

Sumber: Soal Selidik 2020

Dengan merujuk kepada Jadual 8, didapati bahawa majoriti daripada responden iaitu seramai 139 orang (61.5%) tidak bersetuju dengan kaedah membakar jenazah mangsa beragama Islam yang dijangkiti wabak penyakit berjangkit. Bilangan responden yang bersetuju dan tidak pasti tentang kenyataan tersebut, adalah hampir sama, iaitu masing-masing merupakan seramai 45 orang (19.9%) dan 42 orang (18.6%). Ini menunjukkan bahawa ramai juga yang tidak faham tentang hal ini.

#### Jadual 9: Keberkesanan pendekatan yang diambil Negara dalam menyekat penularan wabak COVID-19

Soalan	Bilangan Menjawab 'Ya'	Peratus (%)	Bilangan Menjawab 'Tidak'	Peratus (%)
Pada pandangan anda, adakah negara kita sudah mengambil pendekatan paling berkesan dalam menyekat penularan wabak COVID-19?	195	86.3	31	13.7

Sumber: Soal Selidik 2020

Berdasarkan Jadual 9, kebanyakan responden berpendapat bahawa Malaysia sudah mengambil pendekatan yang paling berkesan dalam menyekat penularan wabak COVID-19. Daripada jumlah bilangan responden, seramai 195 orang (86.3%) telah menjawab 'Ya' bagi soalan tersebut, manakala hanya 31 orang (13.7%) menjawab 'Tidak'.

#### Jadual 10: Kejayaan negara dalam menangani COVID-19

Soalan	Bilangan Setuju	Peratus (%)	Bilangan Tidak Setuju	Peratus (%)	Bilangan Tidak Pasti	Peratus (%)
Setakat ini, negara kita sudah berjaya dalam menangani wabak COVID-19 dan bilangan kes-kes baharu sudah berkurang. Ini menandakan keadaan akan pulih tidak lama lagi.	114	50.4	24	10.6	88	38.9

Sumber: Soal Selidik 2020

Merujuk kepada Jadual 10, terdapat seramai 114 orang responden (50.4%) yang bersetuju bahawa Malaysia sudahpun berjaya dalam menangani wabak COVID-19, dan bilangan kes-kes baharu yang sudah berkurang menandakan bahawa keadaan akan pulih tidak lama lagi. Pada masa yang sama, 24 orang responden (10.6%) tidak bersetuju dengan kenyataan tersebut. Sehubungan dengan itu, baki daripada jumlah bilangan responden, iaitu 88 orang (38.9%), tidak pasti sama ada untuk bersetuju atau tidak bersetuju dengan kenyataan tersebut.

**Jadual 11: Tempoh masa yang perlu diambil bagi meneruskan PKP sehingga negara bebas dari penularan wabak COVID-19**

Soalan	6 bulan	Peratus (%)	9 bulan	Peratus (%)	12 bulan	Peratus (%)
Pada pandangan anda, berapa lamakah masa yang perlu diambil bagi meneruskan PKP sehingga negara benar-benar bebas dari penularan wabak COVID-19 ini?	65	28.8	24	10.6	41	18.1
	Lebih dari 12 bulan	Peratus (%)	Tidak Pasti	Peratus (%)		
	43	19	53	23.5		

Sumber: Soal Selidik 2020

Soalan mengenai tempoh masa penerusan PKP sehingga negara bebas dari penularan wabak COVID-19, tidak mendapat jawapan yang sebulat suara daripada para responden. Dengan rujukan terhadap Jadual 11, didapati bahawa seramai 65 orang responden (28.8%) menjawab '6 bulan', 24 orang responden (10.6%) menjawab '9 bulan', 41 orang responden (18.1%) menjawab '12 bulan' dan seramai 43 orang responden (19%) menjawab 'Lebih dari 12 bulan'. Manakala seramai 53 orang responden (23.5%) menjawab 'Tidak Pasti' berapa lamakah tempoh masa yang perlu diambil oleh kerajaan bagi menjalankan Perintah Kawalan pergerakan ini.

**Jadual 12: Rujukan kepada hadith Rasulullah SAW mengenai peraturan-peraturan yang dilaksanakan sepanjang PKP**

Soalan	Bilangan Menjawab 'Ya'	Peratus (%)	Bilangan Menjawab 'Tidak'	Peratus (%)	Bilangan Menjawab 'Tidak Pasti'	Peratus (%)
Adakah anda tahu bahawa peraturan-peraturan yang dilaksanakan sepanjang PKP ini sudah disebutkan dalam hadith Rasulullah SAW sejak dahulu lagi seperti menjaga kebersihan, menjaga jarak dan menjauhi kawasan penularan?	137	60.6	62	27.4	27	11.9

Sumber: Soal Selidik 2020

Berdasarkan Jadual 12, majoriti daripada responden, iaitu seramai 137 orang (60.6%), tahu bahawa peraturan-peraturan yang dilaksanakan sepanjang PKP COVID-19 sudahpun disebut dalam hadith Rasulullah SAW lebih 1440 tahun yang lalu. Sementara itu, 27 orang responden (11.9%) telah menjawab 'Tidak Pasti' dan seramai 62 orang responden (27.4%) yang merupakan jumlah bilangan responden yang telah menjawab 'Tidak' bagi soalan tersebut.

Berdasarkan soal selidik yang dilakukan, bolehlah disimpulkan bahawa ramai dari kalangan masyarakat umum yang prihatin dan maklum tentang pelaksanaan norma-norma baharu seperti yang diamalkan sepanjang penularan pandemic COVID-19 ini. Ini jelas apabila majoriti menjawab bahawa mereka sedia maklum tentang arahan-arahan dan norma-norma

baharu yang diamalkan, dan hanya sebilangan kecil sahaja yang tidak cakna tentang hal berkaitan. Ini berkemungkinan merupakan sebilangan kecil masyarakat yang tidak faham hal-hal yang berkaitan dan kempen kesedaran perlu dipergiatkan lagi terutamanya terhadap golongan ini.

### **PENGURUSAN PANDEMIK COVID-19: DAPATAN TEMU BUAL**

Sebuah temu bual telah dijalankan bersama Profesor Dr Anisah Che Ngah<sup>23</sup> yang mempunyai kepakaran dalam bidang Undang-undang Perubatan. Berdasarkan temu bual tersebut, hasil yang diperolehi dapat disimpulkan iaitu Pandemi menurut ilmu kesihatan awam adalah wabak penyakit yang merebak dengan cepat tanpa sempadan meliputi pelbagai negara dan benua. Oleh itu, rakyat Malaysia dilihat telah menjalankan peranan yang baik dengan mematuhi PKP fasa 1-4 yang disarankan oleh negara melalui gerakan proaktif oleh Majlis Keselamatan Negara melalui media sosial. Kemudahan yang disediakan di hospital kerajaan turut membolehkan wabak sebegini dicegah.

Seterusnya, hal berkaitan prosedur pengebumian mayat yang kini dijalankan oleh petugas KKM dilihat selaras dengan syariat Islam dan sangat wajar dalam usaha membendung dan mencegah penularan wabak COVID-19 serta lebih selamat berbanding prosedur membakar mayat. Selain itu, prosedur yang menghadkan jumlah orang untuk menguruskan jenazah sudah cukup baik kerana Agama Islam memudahkan dan tidak memberatkan seseorang terutama untuk membendung kes wabak penyakit COVID-19. Peraturan yang digubal ketika penularan wabak COVID-19 tidak mencabul hak individu yang sihat atas dasar hak masyarakat untuk mencegah penyakit berjangkit mengatasi hak individu. Malah, mereka yang melanggar peraturan tersebut wajar dihukum kerana mereka mungkin merupakan pembawa (*carrier*) COVID-19.

Tuntasnya, memandangkan tiada jaminan bahawa negara akan bebas sepenuhnya dari wabak COVID-19 ini, PKP wajar diteruskan dan norma baru yang menitik beratkan kesihatan diri dan penjarakkan sosial perlu diamalkan. Saranan dalam hadis-hadis berkaitan dengan pengurusan wabak penyakit berjangkit serta kesihatan umum turut wajar diambilkira oleh semua orang di Malaysia tanpa mengira bangsa dan agama.

### **RUMUSAN PENGURUSAN PANDEMIK COVID-19 MENURUT SUNNAH NABAWIAH**

Rumusan penulisan ini adalah berdasarkan seluruh pembacaan serta kajian dan soal selidik yang telah dijalankan. Kaedah penyelidikan terpilih yang dijalankan adalah bertujuan untuk meneliti falsafah Islam dalam pengurusan wabak penyakit berjangkit. Penulisan ini juga telah menggariskan beberapa objektif supaya dapat memenuhi matlamat kajian ini dilakukan.

Antara objektif yang terlibat adalah untuk mengenal pasti tahap pengetahuan masyarakat umum terhadap pengurusan diri semasa penularan wabak penyakit berjangkit. Melalui soalan-soalan yang dijawab oleh para responden, dapat dibuktikan bahawa majoriti masyarakat umum mempunyai tahap pengetahuan yang tinggi terhadap pengurusan diri semasa penularan wabak penyakit berjangkit. Namun begitu, didapati bahawa terdapat segelintir daripada masyarakat umum yang tidak mempunyai ilmu pengetahuan yang mencukupi terhadap topik tersebut. Terdapat juga responden yang mengetahui tentang hal pengurusan diri, tetapi mereka bersikap tidak setuju dan menentang cara pengurusan diri yang disarankan tersebut. Trend ini dapat dilihat melalui keputusan yang diperolehi daripada salah satu soalan dalam soal selidik, iaitu sebanyak 43.4% daripada masyarakat umum yang bersetuju dengan semua ahli keluarga kepada mangsa yang dijangkiti wabak penyakit berjangkit patut diberi peluang untuk

---

<sup>23</sup> Profesor Dr Anisah Che Ngah merupakan pensyarah di Faculty of Business and Law, Taylor's University Lakeside Campus dan merupakan seorang pakar dalam bidang Undang-Undang Perubatan.

menunaikan solat jenazah atau memberi penghormatan terakhir, dan terlibat dalam pengebumian jenazah, manakala hanya 23.9% sahaja yang tidak bersetuju.

Objektif kedua dalam penulisan ini adalah untuk mengkaji cara pengurusan diri yang betul mengikut falsafah Islam. Objektif ini berjaya dicapai melalui kaedah rujukan ilmiah dan temu bual. Melalui kaedah rujukan ilmiah, maklumat tentang pengurusan diri diperolehi daripada sumber-sumber seperti portal rasmi kerajaan dan pertubuhan antarabangsa, buku ilmiah, artikel jurnal, laman sesawang dan lain-lain sumber. Manakala hasil dari temu bual yang dilakukan, jelas menunjukkan bahawa segala norma-norma baharu yang diimplimentasikan oleh kerajaan adalah selari dan merupakan garis panduan yang telahpun diletakkan oleh ajaran Islam sejak dahulu lagi. Oleh itu, perlaksanaannya adalah amat sesuai sekali diamalkan oleh semua peringkat masyarakat.

Objektif penulisan yang terakhir pula adalah untuk menambah pengetahuan tentang tatacara pengendalian jenazah yang dijangkiti wabak penyakit yang berjangkit. Melalui temubual yang lakukan, penulisan ini telah berjaya membuktikan bahawa Malaysia mempraktikkan langkah berjaga-jaga yang efektif dalam membendung wabak COVID-19 dan bersetuju dengan pengaplikasian prinsip-prinsip Islam itu dijadikan sebagai panduan hidup bagi menjamin kualiti kesihatan yang lebih sejahtera sekaligus membendung kes wabak penyakit berjangkit. Kesimpulannya, ketiga-tiga objektif penulisan berjaya dicapai berdasarkan keputusan yang diperolehi daripada kaedah soal selidik, rujukan ilmiah dan temu bual.

Pada masa yang sama penulisan ini juga turut ingin menjelaskan bahawa agama Islam telah ada kaedah untuk pengurusan pandemik COVID-19 ini sejak dari dahulu lagi berdasarkan kepada sunnah Nabawiah yang telah dibincangkan. Dalam pada itu, keadaan darurat pada masa wabak COVID-19 ini memberikan kuasa kepada pemerintah untuk mengambil langkah pencegahan dan pengawalan tertentu. Ini selari dengan kaedah fiqh -*Tindakan seorang ketua ke atas rakyat, berdasarkan kepada kemaslahatan*.<sup>24</sup> Oleh itu, tindakan kerajaan Malaysia mengambil langkah menjalankan kuarantin kepada pesakit, mengadakan perintah kawalan pergerakan yang ketat, menghadkan jarak sosial, menguruskan jenazah orang Islam dengan tidak mengikut kebiasaan dan lain-lain perintah lagi jelas merupakan langkah-langkah pencegahan yang sesuai dilakukan bagi mencegah dari penularan wabak COVID-19. Tindakan pemerintah ini merupakan satu usaha untuk memelihara salah satu aspek penting dalam *maqāsid syariah* iaitu memelihara nyawa masyarakat. Konsep “الدين يسرٌ ولا عسرٌ” yang bermaksud ‘Agama (Islam) itu mudah dan tidak menyusahkan’ di samping pengaplikasian sumber-sumber dari *al-Masaalih al-Mursalah* dan *al-Istihsaan* cukup untuk menjadi tunggak bagi menjaga masalah ummah seperti yang telah dilaksanakan oleh kerajaan Malaysia pada masa kini.

---

<sup>24</sup> <https://www.muis.gov.sg/officeofthemufti/Fatwa/Fatwa-Covid-19-Malay> diakses pada 27 Disember 2020.

## RUJUKAN

- Infectious Disease. World Health Organisation. dilayari pada 20 Jun 2020. [https://www.who.int/topics/infectious\\_diseases/en/#:~:text=Infectious%20diseases%20are%20caused%20by,disease%20when%20transmitted%20to%20humans.](https://www.who.int/topics/infectious_diseases/en/#:~:text=Infectious%20diseases%20are%20caused%20by,disease%20when%20transmitted%20to%20humans.)
- Penyakit Berjangkit. Portal Rasmi MyHealth Kementerian Kesihatan Malaysia. Dilayari pada 20 Jun 2020. <http://www.myhealth.gov.my/penyakit-berjangkit-3/>
- Bernama, AGC wartakan undang-undang kawalan penyakit berjangkit semasa pkp fasa kedua, Berita Astro Awani, 14 April 2020, dilayari pada 20 Jun 2020 <http://www.astroawani.com/berita-malaysia/agc-wartakan-undang-undang-kawalan-penyakit-berjangkit-semasa-fasa-kedua-pkp-238204>
- Fatan Hamamah Yahaya. 2005. Kemunculan penyakit berjangkit dan kesannya terhadap manusia di malaysia. *UKM Journal Article Repository*. 153-168.
- Mohd Faiz Mohd Yaakob & Jamal@Nordin Yunus. 2017. Penularan penyakit tuberculosis (tb) di malaysia: amalan pencegahan dan mekanisme pengawalan di institusi pendidikan. *Jurnal Sains Kesihatan Malaysia* 15(1). 131-134.
- Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM). 2020. *Tips Menghadapi COVID-19: Panduan Menurut Perspektif Islam*. Putrajaya.
- Pengendalian Mayat Penyakit Berjangkit. Portal Rasmi MyHealth Kementerian Kesihatan Malaysia. dilayari pada 20 Jun 2020. <http://www.myhealth.gov.my/pengendalian-mayat-berpenyakit-berjangkit/>
- Ahmad Sanusi Azmi, Pengurusan jenazah mangsa COVID-19, myMetro, 8 April 2020, Dilayari pada 20 Jun 2020, <https://www.hmetro.com.my/addin/2020/04/563853/pengurusan-jenazah-mangsa-COVID-19>